

# Doa Majlis Perpisahan dan Pertukaran Guru

Perpisahan dan pertukaran adalah lumrah dalam kerjaya seorang guru. Ada berpisah kerana naik pangkat dan ada juga kerana faktor lain seperti untuk lebih dekat dengan keluarga dan sebagainya.

Berikut adalah **Doa Majlis Perpisahan dan Pertukaran Guru** yang sangat sesuai dibaca semasa majlis perpisahan. Doa dalam bahasa Melayu sebenarnya lebih mudah dibaca malahan lebih dekat dihati kerana ia sangat mudah difahami.

## DOA MAJLIS PERPISAHAN/PERTUKARAN GURU

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين

Ya Allah

Jadikanlah perhimpunan kami ini sebagai perhimpunan yang dirahmati dan jadikanlah perpisahan selepas ini nanti sebagai perpisahan yang terpelihara. Dan janganlah ada di kalangan kami yang mendapat kecelakaan atau terbuang atau terhalang daripada mendapat rahmatMu. Kurniakanlah kami kebaikan dengan berkat keagungan zat-Mu Yang Maha Mulia, wahai tuhan pentadbir sekalian alam.

Ya Allah

Bukankanlah pintu hati kami dengan pancaran iman, sanubari kami patuh dan taat kepada ajaran nabi akhir zaman, penuhilah akal fikiran kami dengan ilmu pengetahuan dan jiwa rohani kami dengan ketaqwaan. Engkau suburkanlah dalam jiwa kami semangat cintakan ilmu, engkau bimbinglah kami agar kami dapat menjadi insan yang berakhlak mulia dan Engkau sinarilah hidup kami dengan nur hidayahMu, agar kami tergolong dalam golongan orang-orang yang soleh.

Ya Allah

Kami juga memohon kepada Engkau bagi melakukan sebarang pekerjaan yang boleh mendekatkan diri kami kepada Engkau. Ya Allah, tuhan yang mengubahkan segala keadaan, ubahkanlah keadaan kami kepada sebaik-baik keadaan dengan kekuasaan dan kekuatan Engkau, wahai tuhan yang maha gagah lagi maha perkasa.

Ya Allah

Bersempena dengan pertukaran ....., kami mohon agar Engkau limpahkan rahmat dan kesejahteraan kepada beliau dan keluarga beliau. Sesungguhnya telah banyak jasa dan bakti yang beliau curahkan kepada kami dan kepada sekolah ini. Justeru itu Ya Allah, kepada Engkau kami berserah untuk membalas jasa-jasanya dengan jaminan pahalaMu. Kekalkanlah hari-hari kehidupan beliau dengan kemakmuran rezeki, kesihatan yang baik dan mendapat peliharaan Mu serta kami mohon, agar beliau dipanjangkan umur supaya dapat terus mencurahkan bakti sebagai pendidik.

Ya Allah

Kami juga menadahkan tangan memohon ampun atas segala dosa-dosa kami. Engkau ampunkan juga dosa kedua ibubapa kami, dosa guru-guru kami, dosa pemimpin-pemimpin kami, dan dosa seluruh kaum muslimin dan muslimat sama ada yang masih hidup atau sudah meninggal dunia.

ربنا آتينا في الدنيا حسنة وفي الآخرة حسنة وقينا عذاب النار

وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه وسلم والحمد لله رب العالمين

Semoga doa ini bermanfaat buat semua.